

NGO Islam berkumpul tunggu keputusan rayuan "Allah"
Malaysian Insider
Aug 22 , 2013
OLEH MD IZWAN

Tindakan Ketua Biskop Roman Katolik Tan Sri Murphy Pakiam membuat rayuan untuk mengetepikan rayuan kerajaan berhubung penggunaan kalimah Allah dalam kitab Injil berbahasa Melayu tidak disenangi beberapa badan bukan kerajaan (NGO) Islam yang berkumpul di luar Mahkamah Rayuan. Gambar The Malaysian Insider oleh Nazir Sufari, 22 Ogos, 2013. Peserta bantahan membaca al-Quran di luar Mahkamah Rayuan Putrajaya. Gambar The Malaysian Insider oleh Nazir Sufari, 22 Ogos, 2013.

Mahkamah Rayuan menetapkan hari ini bagi mendengar permohonan Murphy itu dan membuat keputusan sama ada rayuan kerajaan berhubung isu itu akan didengar di mahkamah atau tidak.

Hampir 200 orang dari Pertubuhan Peribumi Perkasa (Perkasa) dan Gabungan NGO Persatuan Pembela Muslim (Pembela) membanjiri perkarangan mahkamah.

Antara yang kelihatan hadir ialah bekas Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa dan Naib Presiden Perkasa, Datuk Zulkifli Noordin.

Orang ramai yang mula berkumpul sejak jam 8.00 pagi di perkarangan mahkamah bertakbir dan membaca Al-Quran pada ketika ini.

Pengarang akhbar mingguan HeFather Lawrence Andrew di luar mahkamah. Gambar The Malaysian Insider oleh Nazir Sufari, 22 Ogos, 2013. Father Lawrence Andrew di luar mahkamah. Gambar The Malaysian Insider oleh Nazir Sufari, 22 Ogos, 2013. rald, yang menjadi punca kepada pertikaian berhubung isu kalimah Allah, Father Lawrence Andrew turut dilihat masuk ke mahkamah untuk mendengar keputusan.

Permohonan Murphy itu didengar oleh panel tiga hakim Mahkamah Rayuan yang diketuai Hakim Datuk Abu Samah Nordin.

Dua lagi hakim ialah Datuk Abdul Aziz Abdul Rahim dan Datuk Rohana Yusof.

Kain rentang dan slogan "Save Kalimah Allah" juga kelihatan dibawa oleh NGO berkenaan dan diselangi dengan bacaan doa.

Turut kelihatan hadir beberapa pemimpin Umno antaranya Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri yang juga Naib Pemuda Umno, Datuk Razali Ibrahim dan Exco Pemuda Umno, Lokman Noor Adam.

Razali berkata, segala keputusan yang diumumkan nanti wajar dihormati dan berharap ia menimbangkan semua perkara melibatkan umat Islam di dalam negara.

"Kita kena hormat keputusan mahkamah dan kesan kepada keputusan ini kita perlu tangani sebaik mungkin.

"Ini bukan soal siapa menang siapa kalah, ini soal negara dan kita harap semua pihak dapat memahami susun atur negara itu yang bagi saya adalah mustahak," katanya.

Sementara itu, Zulkifli yang hadir sebagai peguam pemerhati juga menegaskan sebarang keputusan yang dibuat hari ini, kempen penerangan dan penjelasan wajar diadakan dengan penganut Kristian.

"Tidak kisahlah apa pun keputusan yang akan dibuat hari ini, kita perlu memberi penerangan kepada mereka.

"Mungkin dialog adalah jalan terbaik, bagi mereka memahami," katanya.

Kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 31 Dis 2009, yang membenarkan semakan kehakiman Gereja Roman Katolik berkenaan bagi menarik balik larangan KDN berhubung penggunaan kalimah 'Allah' dalam Herald untuk merujuk kepada Tuhan Kristian.- 22 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ngo-islam-berkumpul-tunggu-keputusan-rayuan-allah>